

31/08/2003

Malaysia contoh negara membangun termaju

Kadir Dikoh

KETIKA negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru saja membuka kliniknya di Alor Star selepas meletak jawatan sebagai pegawai perubatan.

Mungkin tidak terfikir dalam jiwa mudanya ketika itu untuk menyanggah jawatan Pertama Menteri, malah lebih sedekad selepas merdeka, hubungannya dengan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj agak renggang sehingga dipecat daripada Umno.

Tetapi terbukti apabila menyanggah jawatan Perdana Menteri keempat, Dr Mahathir berjaya membawa pembaharuan kepada negara setelah laluan dibuka oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Negara masih dalam keadaan daif sebaik mencapai kemerdekaan. Ketika itu, rakyat Malaysia sudah dianggap orang berada jika memiliki kereta. Tunku Abdul Rahman sendiri yang mendapat gelaran sebagai Bapa Kemerdekaan, mungkin tidak terfikir keupayaan anak tempatan membuat kereta, hatta Tun Razak dan Tun Hussein sekalipun.

Tidak terfikir datuk nenek moyang kita bahawa suatu hari nanti anak Malaysia boleh buat kereta. Hari ini, lebih 60 peratus di atas jalan raya dikuasai kereta nasional Proton. Malah, kita juga sudah berjaya membuat pesawat ringan sendiri.

Tidak terfikir juga nama Malaysia dikenali di seluruh dunia dan memiliki bangunan pencakar langit tertinggi di dunia - Menara Berkembar Petronas. Hatta tidak terfikir bagaimana mudahnya berinteraksi menggunakan internet - teknologi yang tidak terlintas langsung 46 tahun lalu.

Semua itu hasil ciptaan Dr Mahathir kerana sejak memimpin negara pada 1981, beliau memperkenalkan banyak pembaharuan seperti Dasar Pandang ke Timur, penswastaan, persyarikatan Malaysia, beli barangan Inggeris sebagai pilihan terakhir dan dasar luar negara yang tidak tunduk kepada kuasa besar seperti Amerika dan British.

Apapun, Dr Mahathir tetap memberi penghargaan kepada Perdana Menteri terdahulu kerana membuka ruang kepada pembangunan negara yang lebih bersepadu terutama melalui perkongsian kuasa apabila ditubuhkan Perikatan, kini dikenali sebagai Barisan Nasional (BN).

Tugas Dr Mahathir adalah mencipta sesuatu yang bermakna dalam pengisian erti kemerdekaan. Tun Razak pula menumpukan perhatian kepada pembangunan luar bandar dan dasar itu beransur-ansur mengalami perubahan di zaman Tun Hussein yang memberi ruang kepada perkembangan industri.

Selepas Tragedi 13 Mei 1969, Tun Razak memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan serampang dua mata, pertama, mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan menambah peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Kedua mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenal kaum mengikut fungsi ekonomi. DEB adalah satu penjuruteraan sosial yang digubal untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum dan wilayah.

Selepas tamat DEB, masuknya tahun 1990-an, kerajaan memperkenalkan Dasar Pembangunan Baru (DPB) yang berasaskan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama. Matlamat DPB untuk membina sebuah negara yang bersatu padu akan terus diasaskan kepada prinsip dan garis panduan yang diperuntukkan Perlembagaan dan Rukun Negara.

Semua rakyat Malaysia tentu berasa bertuah dan bersyukur kerana dalam masa singkat, negara berjaya mencapai tahap kemajuan membanggakan. Negara juga aman dan mampu menangkis pelbagai serangan ke atas ekonomi dan politiknya.

Hari ini kita menjadi negara membangun termaju dan dianggap contoh kepada negara membangun lain. Pembangunan di Malaysia adalah menyeluruh. Tahap kemiskinan hanya 5.5 peratus.

Kawasan luar bandar dibekal air dan elektrik, jalan bertar, sekolah dan klinik perubatan dan kemudahan telefon. Namun, masih ada tempat terpencil, terutama di Sabah dan Sarawak yang belum mempunyai kemudahan disebut.

Pelawat yang datang ke Kuala Lumpur, mendakwa Malaysia adalah negara maju dan bukan negara Dunia Ketiga. Segala kemudahan yang ada di bandar moden di dunia ada di Kuala Lumpur. Kereta api elektrik, jalan bertingkat, pusat beli-belah yang memasarkan barang dari seluruh dunia, bangunan pencakar langit, taman indah - semua ada di Kuala Lumpur. Di bandar lain di Malaysia juga demikian.

Dalam jangka 46 tahun kemerdekaan, Malaysia banyak berubah. Dari negara yang terhad kepada Semenanjung Tanah Melayu, kita membesar menjadi Malaysia dengan penyertaan secara sukarela Sarawak dan Sabah. Jumlah penduduk Malaysia meningkat daripada lima juta ketika mencapai kemerdekaan kepada 25 juta sekarang.

Pembangunan pesat dicapai dalam penyediaan infrastruktur. Antaranya Lebuhraya Utara-Selatan dan Barat-Timur di Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak, jalan raya belum sampai ke taraf lebuhraya tetapi jauh lebih baik berbanding yang ada di zaman British.

Bandar-bandar tumbuh dengan pesatnya dengan bangunan pencakar langit juga didirikan di kawasan yang dulu ladang getah dan kelapa sawit.

Putrajaya dibangunkan sebagai Ibu Kota Pentadbiran yang segar dan berprestij. Bangunan Sultan Abdul Samad yang dulu menjadi mercu tanda ibu kota Malaysia sudah diganti dengan bangunan indah di Putrajaya yang mencerminkan seni budaya dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia.

Rakyat berbilang kaum Malaysia hidup rukun damai, aman dan maju berkat dasar kerajaan yang proaktif. Perbezaan ekonomi antara kaum sudah berkurangan. Pesawah dan nelayan Bumiputera mempunyai anak yang menjadi ahli profesional, pegawai tinggi kerajaan, profesor, panglima angkatan tentera dan jutawan di bidang swasta.

Sekarang Malaysia terkenal di seluruh dunia kerana peranannya di arena antarabangsa. Suaranya lantang dan pendapatnya dihormati. Keupayaan Malaysia menangani krisis kewangan pada tahun 1997-1998 dengan caranya sendiri sudah diakui.

Dalam 46 tahun kemerdekaan, pendapatan per kapita kita meningkat dari 300 dolar Amerika kepada 4,000 dolar.

Sebenarnya pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran kita bergantung kepada agility atau kemampuan tindakan pantas negara apabila berhadapan dengan masalah.

Setakat ini, kita masih dapat menyelamatkan diri dengan menggunakan pendekatan sendiri. Penolakan nasihat Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) bukan saja menyelamatkan negara, malah mengekalkan kebebasan dalam mentadbir negara kita sendiri.

Sejak merdeka kita sudah mengadakan 10 kali pilihan raya dalam jangka masa 43 tahun. Rakyat Malaysia bebas memilih siapa saja dan bukan hanya calon parti kerajaan seperti yang berlaku di sesetengah negara lain.

Parti lawan juga boleh memenangi pilihan raya dan pernah mendirikan kerajaan di empat negeri. Ini berlaku berkali-kali. Tidak ada tindakan undang-undang diambil untuk menyekat wakil rakyat parti pembangkang mengambil tempat dalam dewan seperti yang berlaku di negara lain.

Bagi pencapaian luar biasa ini, negara keseluruhannya terhutang budi

kepada semua empat Perdana Menteri.